

# Banjir: myNap perlu dilaksanakan segera

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu melaksanakan segera Pelan Adaptasi Kebangsaan (myNap) berikutan fenomena banjir yang semakin kerap melanda negara sejak kebelakangan ini sehingga mengakibatkan kerugian harta benda bernilai berjuta ringgit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pejabat Pelestarian Kampus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Mohd Fadhil Md. Din berkata, pelan itu merangkumi pengurusan risiko bencana yang disebabkan impak perubahan iklim di kawasan-kawasan penting bandar dan sub-bandar.

Kata beliau, pelan ini wajib dilaksanakan segera bagi membina daya tahan infrastruktur dan kemudahan sedia ada yang terancam disebabkan cuaca ekstrem dan kesan perubahan iklim.

“Sehingga kini, masih belum dilaksanakan secara efektif di peringkat agensi untuk mewartakan program ini secara kolektif.

“Keperluan seperti memanfaatkan penggunaan *nature-based solutions* (NBS), juga boleh membantu mewujudkan

alternatif tambahan di peringkat dasar yang mewajibkan Penilaian Strategik Alam Sekitar (SEA) untuk semua polisi alam sekitar dan kelestarian, pelan dan program sekaligus membantu menyelesaikan masalah banjir secara berfasa,” katanya.

Semalam, media melaporkan beberapa kawasan seperti Meru di Klang; Alor Gajah, Melaka dan Seremban serta Rembau di Negeri Sembilan dilanda banjir kilat selepas hujan lebat petang kelmarin yang menyebabkan beberapa pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

Dalam pada itu, Pakar Alam Sekitar yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo berkata, pihak berwajib perlu sentiasa melakukan penyelenggaraan sistem perparitan dengan lebih sempurna.

“Parit pecah, tersumbat, mengalami perlodakan serius, ditutupi tumbuhan dan sampah sarap juga menyebabkan banjir kilat mudah berlaku,” jelasnya.



**PENGGUNA** jalan raya melalui Jalan Paip yang dilnaiki air berikutan Sungai Binjai di Pekan Meru, Klang (m) melebihi tahap bahaya, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF